

15 April 2022
Kenyataan Media

**KEMPEN #DRIVESAFENOREGRETS PEMERIKSAAN KENDERAAN PERCUMA
PUSPAKOM SEMPENA HARI RAYA KEMBALI LAGI**

Shah Alam, 15 April 2022 – Kempen #drivesafenoregrets Pemeriksaan Kenderaan Secara Sukarela atau lebih dikenali sebagai VVI (Voluntary Vehicle Inspection) secara percuma oleh PUSPAKOM sempena Hari Raya Aidilfitri akan ditawarkan kepada semua pemilik dan pemandu kenderaan persendirian bermula pada 17 hingga 29 April 2022 di semua pusat pemeriksaan PUSPAKOM seluruh negara (kecuali Shah Alam dan Pasir Gudang yang hanya dikhaskan kepada kenderaan komersial berat sahaja) dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Orang ramai yang berminat untuk mendapatkan pemeriksaan percuma di pusat pemeriksaan PUSPAKOM boleh membuat janji temu dalam talian MyPUSPAKOM di www.mypuspakom.com.my.

Selain daripada pusat pemeriksaan PUSPAKOM, orang ramai juga boleh mendapatkan pemeriksaan percuma ini secara "walk-in" melalui Unit Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM pada tarikh dan tempat yang ditetapkan seperti di bawah:

| NO | TEMPAT | TARIKH | MASA |
|----|--|---------------|-------------------------|
| 1 | Pusat Komuniti Lembah Pantai, Kuala Lumpur | 16 April 2022 | 9.00 pagi – 4.00 petang |
| 2 | Wisma DRB-HICOM, Shah Alam | 20 April 2022 | 9.00 pagi – 4.00 petang |
| 3 | Lotus's Ara Damansara, Selangor | 22 April 2022 | 9.00 pagi – 4.00 petang |
| 4 | PLUS Restoran Jejantas Sungai Buloh (Arah Utara), Selangor | 23 April 2022 | 9.00 pagi – 4.00 petang |
| 5 | Balai Polis Sri Lalang, Kluang Johor | 23 April 2022 | 9.00 pagi – 4.00 petang |

Kempen VVI percuma ini melibatkan 25 item pemeriksaan iaitu brek, gelincir sisi, tayar, suspensi, asap, lampu, bahagian bawah dan atas kenderaan, ketelusan cahaya cermin dan

lain-lain lagi yang bertujuan memastikan tahap kondisi kenderaan adalah selamat untuk dipandu terutamanya ketika pulang ke kampung pada musim perayaan nanti.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM Shukor Ismail berkata, kempen ini merupakan tanggungjawab korporat PUSPAKOM bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan pemeriksaan kenderaan secara berjadual untuk memastikan tahap keselamatan kenderaan lebih-lebih lagi ketika musim perayaan di mana jumlah kenderaan di jalan raya dijangka tinggi.

"Untuk pengetahuan orang ramai, di PUSPAKOM kami menggunakan alat pemeriksaan berkomputer untuk menguji kecekapan dan keberkesanan komponen sesebuah kenderaan seperti cengkaman brek dan tahap pelepasan asap. Laporan VVI dengan bacaan yang mengikut piawaian antarabangsa akan diberikan kepada pemilik kenderaan sebagai rujukan supaya mereka dapat mengetahui kondisi sebenar kenderaan yang dipandu atau kerosakan yang mungkin terdapat pada komponen kenderaan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar," jelas Shukor.

"Kenderaan yang selamat pasti memberi ketenangan kepada kita sebagai pemandu. Oleh itu, orang ramai terutamanya pemilik dan pemandu kenderaan persendirian yang ingin pulang ke kampung pada Hari Raya ini, rebutlah peluang mendapatkan pemeriksaan percuma ini dari PUSPAKOM untuk memastikan kenderaan anda selamat dipandu dan memberi anda lebih keyakinan ketika dalam pemanduan," tambah Shukor lagi.

Bagi mereka yang ingin hadir untuk mendapatkan pemeriksaan kenderaan percuma ini perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan seperti memakai pelindung muka, mengimbas MySejahtera dan mengamalkan penjarakan sosial.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Leong Pei Yee

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7465

Mohd Izzat Intanjudin

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7464

Elly

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7322

MENGENAI PUSPAKOM

Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.